

PERCUMA



مجلس ائمۃ اسلام  
دان عادت ملايو فيراق

# الحمد لله MAIPk

EDISI KEDUA 2017 BIL. KE - 24



# 29,037 ASNAF

TERIMA BANTUAN AIDILFITRI BERJUMLAH  
**RM5.8 JUTA**



## SIDANG REDAKSI

Penasihat

**YBRS. DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED**

Ketua Editor

**EN. WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN**

Editor

**EN. MOHD YAKOP BIN IKRAM**

Jurufoto

**EN. MOHAMAD RAZIF BIN RAZALI**

**EN. AMIRULKHALID BIN AHMAD**

Edaran

**UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT**

Diterbitkan Oleh :

Unit Perhubungan Korporat

Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan  
30000 Ipoh, Perak.

TEL : 05-2084000

FAKS : 05-2414257

LAMAN WEB : [www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)

<https://wakafperak.gov.my>

EMEL : [korporat@maiamp.gov.my](mailto:korporat@maiamp.gov.my)

FACEBOOK : Zakat Perak – MAIPk

Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Hak Cipta Terpelihara. Tidak Dibenarkan Mengeluar Ulang Mana-Mana Bahagian Artikel, Ilustrasi Dan Isi Kandungan Buku Ini Dalam Apa Jua Bentuk Dan Dengan Cara Apa Jua Sama Ada Secara Elektronik, Fotokopi, Mekanik, Rakaman Atau Cara Lain, Sebelum Mendapat Keizinan Bertulis Daripada Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

## KANDUNGAN

EDITORIAL

2

SEMASA

3-15

BERITA SANA SINI

16

## DARI MEJA KETUA EDITOR



**A**ssalamualaikum wbt. wbrkt dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, segala pujian hanya untuk Allah SWT. Selawat dan kesejahteraan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW., penghulu segala Nabi, para keluarga dan sahabat Baginda serta para tabiin dan ulama.

Dalam Surah Al-Hujurat, ayat keenam yang bermaksud; "Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu."

Zaman sekarang ini yang penuh dengan pelbagai teknologi di hujung jari. Antara aktiviti yang terkenal ialah viral, atau dalam kata lainnya, tular. Isu-isu yang ditularkan banyak berkaitan dengan perkara agihan zakat. Jika berita-berita negatif cepat sungguh orang sebarkan. Diterima suatu berita terus tularkan tanpa membuat tabayyun atau semakan.

Tabayyun berasal daripada perkataan Arab dan bermaksud menyemak kesahihan. Kesahihan ini biasa dikaitkan dengan penyampaian berita. Berita disampaikan dalam pelbagai saluran komunikasi seperti lisan, penulisan, media bercetak, secara atas talian dan sebagainya. Imam Asy Syaukani rahimahullah berkata yang bermaksud; "Yang dimaksud dengan tabayyun adalah memeriksa dengan teliti dan yang dimaksud dengan tatsabbut adalah berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, melihat dengan keilmuan yang dalam terhadap sebuah peristiwa dan khabar yang datang, sampai menjadi jelas dan terang baginya." (Fathul Qadir, 5:65)

Sebahagian masyarakat pada hari ini suka menularkan isu-isu agihan zakat yang belum benar. Sebahagian daripada mereka tidak membuat tabayyun dengan pihak MAIPk. Mereka tiada memberi maklumat sebenar mengenai asnaf tersebut seperti nama penuh, nombor kad pengenalan dan alamat serta nombor untuk dihubungi. Bagaimana pihak MAIPk ingin membantu asnaf tersebut sekiranya tiada maklumat diberikan. Terus pihak MAIPk dilabel tidak membantu asnaf tersebut.

Sebagai orang awam yang berhati mulia dan bertanggungjawab, marilah sama-sama kita membantu pihak MAIPk dengan memberikan maklumat yang lengkap tentang pihak yang memerlukan bantuan. Janganlah semata-mata menjerit dalam media sosial dan menularkan suatu berita yang belum tentu benar di media sosial bukanlah satu jalan penyelesaian. Terima kasih kepada yang menyokong pihak MAIPk. MEMBANTU mereka yang memerlukan adalah peranan dan tanggungjawab kita bersama.

Ingat, TABAYYUN, Semak Sebelum Sebar.

Salam hormat,

Wan Abdul Halim Hafidz bin Mohd Amin



EDISI KEDUA 2017 BIL. KE-24

## PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN PENYERAHAN ZAKAT BERJUMLAH RM15,136,560.60 PADA 01 JUN 2017



Lembaga Air Perak RM7.196 juta.

Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) RM1.846 juta.



Pertubuhan Peladang Negeri Perak RM0.558 juta.

Ladang MOCCIS Sdn. Bhd. RM0.319 juta.

## PENYERAHAN ZAKAT BERJUMLAH RM1,547,143.28 PADA 03 JUN 2017



FELCRA Berhad Wilayah Perak RM1.524 juta.

Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd. RM1.462 juta.



Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad RM0.289 juta.

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) RM0.158 juta.



## PENYERAHAN ZAKAT BERJUMLAH RM1,687,898.16 PADA 10 JUN 2017



Maybank Islamic Berhad RM0.967 juta.



RHB Islamic Bank Berhad RM0.250 juta.



Affin Hwang Capital RM0.145 juta.



Etiqa Takaful Berhad RM0.125 juta.

## PENYERAHAN ZAKAT BERJUMLAH RM13,122,559.82 PADA 17 JUN 2017



Tenaga Nasional Berhad RM6.454 juta.



PLUS Malaysia Berhad RM4.298 juta.



Bank Kerjasama Rakyat Malaysia RM1.531 juta.



Perbadanan Menteri Besar RM0.213 juta.



## PENGAGIHAN BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI 1438H MAIPk OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN





Daerah Manjung Pada 14 Jun 2017 Berjumlah RM430,000.00



Daerah Batang Padang Pada 20 Jun 2017 Berjumlah RM105,000.00



Daerah Muallim Pada 20 Jun Berjumlah RM82,000.00





### 31 SYARIKAT SERAH ZAKAT PERNIAGAAN RM270,194.60

**IPOH** - Pihak MAIPk menganjurkan Majlis Penyerahan Zakat Dan Majlis Berbuka Puasa di Perak Royal Golf Club, Ipoh pada 21 Jun 2017. Pada majlis ini, pihak MAIPk menerima cek zakat perniagaan berjumlah RM270,194.60 daripada 31 syarikat. Seramai kira-kira 100 orang tetamu yang hadir telah diraikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Bin Muhammed serta pegawai dan kakitangan MAIPk. Acara dimulakan dengan ucapan KPE MAIPk yang mengucapkan ribuan terima kasih atas jumlah zakat yang diserahkan oleh setiap usahawan yang hadir pada majlis tersebut. Kemudian, acara diteruskan dengan penyerahan zakat perniagaan kepada KPE MAIPk serta penyampaian cenderahati kepada pembayar-pembayar zakat sebelum majlis berbuka puasa.



### 29,037 ASNAF TERIMA BANTUAN AIDILFITRI BERJUMLAH RM5.8 JUTA



**GOPENG** – Pihak MAIPk telah menganjurkan Majlis Penyampaian Saguhan Jawatankuasa Zakat Fitrah Masjid-Masjid Daerah Kinta dan Kampar serta Penyampaian Bantuan Hari Raya Asnaf Fakir Miskin Tahun 2017 pada 13 Jun 2017. Majlis penyampaian ini telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin bin Muhammed. Seramai 29,037 ketua keluarga dalam kalangan asnaf di Negeri Perak menerima bantuan Aidilfitri berjumlah RM5,807,400.00 daripada pihak MAIPk pada tahun ini. Bantuan tersebut melibatkan RM1,199,400.00 bagi asnaf Muallaf dan RM4,608,000.00 asnaf Fakir dan Miskin. Jumlah ini meningkat sebanyak 16 peratus berbanding tahun lepas. Bantuan ini merupakan salah satu daripada Skim Bantuan Zakat yang dilaksanakan setiap tahun bagi meringankan beban kewangan golongan yang kurang berkemampuan bagi menyediakan persiapan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Orang Besar Jajahan Kinta, Dato' Ab Wahab Bin Dato' Seri Azizul Hassan dan Orang Besar Jajahan Kampar Datuk Abdul Talib Bin Abd Fahmi.





## MAIPk BANTU MEMBASMI GEJALA SOSIAL DI KALANGAN PELAJAR

**IPOH** – Pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah mengadakan Majlis Pelancaran Dermaga dan Tunas Dermaga 2017 di SMK Jelapang Jaya pada 17 April 2017. Pada majlis ini telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Bin Muhammed. Program Dermaga ini telah bermula pada tahun 2016 dengan pelaksanaan program ini tercus akibat daripada penyebaran isu-isu semasa berkaitan gejala sosial dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Permulaan program ini telah dijalankan di 20 buah sekolah menengah yang terpilih di Negeri Perak dan melibatkan seramai 3,629 orang pelajar. Pelajar-pelajar ini diterapkan dengan modul Diriku Permata Berharga, Saya Sayang Diri Saya dan La Taqrab az-Zina. Program ini bertujuan memberi ruang bagi kelompok prihatin melalui pemberdayaan peranan dan maklumat melalui bengkel kesedaran akan peri-tingginya pendidikan kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja. Selain itu, ia juga bagi menyebar luas pengetahuan dan kemahiran dalam pendidikan kesihatan reproduktif sosial dan remaja kepada mereka yang terlibat dalam membangunkan remaja dan ibu bapa dalam komuniti agar dapat memberi kesedaran dalam menangani isu sosial khususnya melibatkan seksualiti dalam kalangan remaja.

Disamping itu, program ini dilaksanakan bagi mewujudkan kumpulan dalam masyarakat yang bertindak sebagai "Support Group" atau kumpulan sokongan dalam memastikan isu-isu berkait tentang reproduktif dalam komuniti dapat dikenalpasti, dicerakin dan diambil tindakan dengan proaktif. Bagi tahun 2017, MAIPk mensasarkan seramai 4,800 orang pelajar dengan melibatkan 20 buah sekolah rendah (100 orang pelajar di setiap sekolah) dan ini merupakan program pertama bagi pelajar sekolah rendah dan 28 buah sekolah menengah (100 orang pelajar di setiap sekolah).



## SESI DAKWAH DAN BERBUKA PUASA BERSAMA ORANG ASLI

**KAMPAR** – Pihak MAIPk mengadakan Program Ihya Ramadhan dan Majlis Berbuka Puasa di Surau Nurul Hidayah Kampong Orang Asli, Pos Dipang Sahom, Kampar pada 07 Jun 2017. Program ini merupakan kerjasama MAIPk dan Pertubuhan Dakwah dan Kebajikan Masyarakat Orang Asli Hulu Kinta. Program dimulakan dengan majlis penyerahan bantuan kepada masyarakat Orang Asli. Penyerahan bantuan ini telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Muhammed. Pihak MAIPk dan Pertubuhan Dakwah dan Kebajikan Masyarakat Orang Asli Hulu Kinta kemudiannya bersama-sama berbuka puasa dengan masyarakat tempatan, dan program diakhiri dengan menunaikan solat terawih berjemaah. Turut hadir ke program ini ialah Pengurus Besar Agihan Zakat, Pegawai Baitulmal Daerah Kampar, Pegawai Tadbir Agama Daerah Kampar dan pegawai-pegawai MAIPk ibu pejabat.





## MAJLIS BANTUAN PERSEKOLAHAN MAIPk DI DAERAH TAIPING

**TAIPING** – Pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan bagi daerah Larut Matang pada 24 Mei 2017. Penyampaian bantuan persekolahan ini melibatkan sebanyak 78 buah sekolah termasuklah Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Kolej Vokasional dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Jumlah permohonan yang pihak MAIPk terima sebanyak 4,249 borang permohonan dan sebanyak 3,357 pelajar yang layak menerima bantuan persekolahan ini. Jumlah keseluruhan yang diagihkan pada tahun ini berjumlah RM1,050,950.00. Pada majlis ini bantuan persekolahan telah disempurnakan oleh YABhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, Dato' Haji Wan Mohd Isa Bin Dato' Haji Wan Mohd Razali, Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama. Turut hadir Ustaz Bakri bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk dan Encik S. Daud Bin Shehamy, Pegawai Baitulmal Daerah Taiping.



## 10 KELUARGA ASNFAF FAKIR MISKIN TERIMA RUMAH BAHRU

**KUALA KANGSAR** – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Penyampaian Bantuan Bina Rumah sempena Program Teduhan Kasih Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) pada 26 April 2017. Seramai 10 buah keluarga asnaf fakir miskin menerima kunci rumah baharu daripada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Muhammed dan Timbalan Presiden Kanan Kumpulan BPMB, En. Mohd. Yazid Safuan. Rumah ini merupakan rumah tiga bilik yang dibina dengan kos RM50,000 sebuah oleh BPMB dengan kerjasama MAIPk. Pembinaan rumah tersebut telah melibatkan sebanyak tiga buah di Kuala Kangsar dan Taiping serta dua buah di Parit Buntar dan Bagan Serai.





## MAIPk TERUS MENZIARAH DAN MENYANTUNI ASNAF

MAIPk sentiasa terus peka dalam usaha membantu masyarakat asnaf fakir miskin. Pihak MAIPk melalui program Jejak Asnaf ini menyalurkan bantuan segera kepada asnaf di samping hasil daripada ziarah ini, pelbagai skim bantuan lain turut akan dilaksanakan seperti bantuan baik pulih rumah, bantuan baik rumah, bantuan kewangan bulanan, bantuan sewa rumah, bantuan perubatan dan sebagainya mengikut keperluan asnaf-asnaf tersebut.

PARIT BUNTAR 04 MEI 2017



KPE MAIPk Dr. Amiruddin Bin Muhammed and Timbalan KPE (Pembangunan) MAIPk Puan Hajjah Wan Maizura Binti Wan Zahari serta bersama-sama pegawai agihan zakat menziarahi sebanyak 12 buah rumah di kawasan daerah Parit Buntar.

MUALLIM 09 MEI 2017



KPE MAIPk Dr. Amiruddin Bin Muhammed mengetuai program jejak asnaf di daerah Muallim dengan menziarahi sebanyak 11 buah rumah di sekitar daerah Muallim. Turut serta Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Ustaz Bakri Bin Lee dan Pegawai Baitulmal Daerah Muallim, Ustaz Dzulbazli Bin Mahamad Ali.

TAPAH 16 MEI 2017



OBJ Batang Padang, YDH, Toh Paduka Indera Dato' Haji Mat Rasid Bin Ayob bersama-sama Timbalan KPE (Pengurusan) MAIPk, Tuan Mohd Haidi Bin Sulaiman mengetuai rombongan jejak asnaf di sekitar Daerah Tapah. Sebanyak 17 buah rumah telah dikunjungi pada program tersebut.

IPOH 5 JUN 2017



KPE MAIPk bersama-sama pegawai agihan zakat menziarah dan menyantuni beberapa orang asnaf pada bulan Ramadhan di sekitar Chemor.

IPOH 16 JUN 2017



Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Ustaz Bakri Bin Lee, Pengurus Pembangunan Asnaf, Ustaz Ahamad Muzammil Bin Arbain serta pegawai agihan zakat menyantuni asnaf di sekitar Tanjung Rambutan, Ipoh.





### MAIPk TERUS MENYANTUNI ASNAF DI KUALA KANGSAR



**KUALA KANGSAR** – Pekhidmat MAIPk di ibu pejabat dan daerah terlibat dengan Program Pemukiman Menteri Besar Negeri Perak di Daerah Kuala Kangsar pada 16 hingga 20 Mei 2017. Pihak MAIPk yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Bin Muhammed menyertai beberapa program antaranya ialah program ziarah kasih. Program ini dianjurkan bagi menyantuni enam buah keluarga asnaf fakir miskin. Rumah yang diziarahi adalah mereka yang dikenal pasti kedhaifannya dan perlu dibantu. Pihak MAIPk sentiasa mencari dan mendekati golongan asnaf yang memerlukan bantuan. Pegawai Baitulmal Daerah Kuala Kangsar, Encik Mohd Hafizie Bin Abd Karim turut bersama-sama dalam program ini dengan membantu menyampaikan bantuan atas kepada golongan asnaf-asnaf tersebut.



### SANTUNI ASNAF DI PEMUKIMAN MB DAERAH HILIR PERAK

**TELUK INTAN** – Sempena Program Pemukiman MB di Daerah Hilir Perak pada 18 -20 April 2017, MAIPk turut bersama-sama terlibat dalam beberapa program antaranya ziarah saudara Baharu. Program kerjasama antara MAIPk, Bahagian Dakwah JAIPk dan Pusrawi International College Of Medical Sciences (PICOMS) telah melawat dan menyantuni 10 orang saudara baru di sekitar Teluk Intan. YB. Dato' Drs. Mohd. Nizar Bin Haji Zakaria, Pengurus Jawatankuasa Agama Islam, Pendidikan Islam dan Pembangunan Sahsiah Negeri Perak, Encik Zul-Azri Bin Hosaini, Pegawai Baitulmal Daerah Teluk Intan turut bersama dalam program ziarah ini. Selain itu, pihak MAIPk turut menziarahi masyarakat Orang Asli di Perkampungan Orang Asli Pengkalan Daun dan pihak PICOMS telah menyediakan kaunter pemeriksaan kesihatan dan khidmat kesihatan percuma.





## PROGRAM MUMTAZ PROGRAM JAYA SPM 2017

**PENGKALAN HULU** - Seramai 100 orang pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017 dari 15 buah sekolah di Daerah Hulu Perak telah menyertai Program Jaya SPM 2017 di bawah Projek Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) iaitu Wakaf Ilmu-Mumtaz. Program ini merupakan program kali ke-5 yang telah berjaya dilaksanakan sejak WPAR diperkenalkan pada 7 April 2016.

Para peserta terdiri daripada pelajar yang berada di tahap sederhana dalam pembelajaran di sekolah. Program ini memberi pendedahan tentang pemahaman yang lebih mendalam mengenai teknik menjawab soalan peperiksaan dengan betul serta motivasi jati diri kepada pelajar untuk berjaya dalam kehidupan. Para penceramah terdiri daripada guru-guru yang cemerlang dan berpengalaman. Dengan tunjuk ajar yang diberikan, para peserta akan dapat meningkatkan prestasi dalam pembelajaran dan mendidik diri untuk menjadi ummah yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Program yang berlangsung selama tiga hari dua malam pada 21 hingga 23 April 2017 di Rumah Rehat Kroh Inn melibatkan kerjasama antara Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Perak. Majlis Penutup telah dirasmikan oleh wakil Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk iaitu Encik Amirudin Bin Osman, Pegawai Baitulmal Daerah Gerik MAIPk yang turut dihadiri oleh En. Nasarudin Bin Abd Rahman, Timbalan Pegawai Pendidikan Hulu Perak serta pegawai-pegawai PPD Hulu Perak dan Pegawai MAIPk.



## PROGRAM PINTAR AKADEMIK WAKAF ILMU - MUMTAZ

**IPOH** - Satu Majlis Pelancaran Program Pintar Akademik Wakaf Ilmu – Mumtaz telah diadakan pada 08 April 2017 di Pusat Pintar Sains dan Matematik melalui kerjasama diantara Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Pusat Pintar Sains dan Matematik (PPSM) Kesatuan Pelajar-Pelajar Islam Perak (KPIP). Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh En. Suhaimi Bin Yusoff, Pengurus Besar Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf MAIPk dan turut dihadiri oleh Tuan Hj Abdul Rahman Najib Bin Hj Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif PPSM. Dalam ucapan tersebut, beliau memaklumkan bahawa pihak MAIPk telah memberi sumbangan wakaf tunai sebanyak RM20,000.00 secara one-off bagi pelaksanaan Program Pintar Akademik Wakaf Ilmu – Mumtaz di mana program ini adalah salah satu daripada Program Mumtaz di bawah Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR).

Program ini telah mula berlangsung pada 04 Februari 2017 yang disertai oleh 38 orang pelajar yang dijalankan pada setiap hari Sabtu dan Ahad sebagai kelas tambahan kepada pelajar tingkatan 3 yang bakal menduduki peperiksaan PT3. Kelas tambahan ini diadakan berterusan sehingga hujung tahun 2017. Para peserta terdiri daripada golongan anak-anak ibu tunggal, anak-anak fakir dan miskin serta anak-anak yang bermasalah yang dipilih daripada beberapa buah sekolah di daerah Ipoh. Program Pintar Akademik Wakaf Ilmu – Mumtaz distrukturkan sebagai program bimbingan kelas bagi menjana kecermerlangan para pelajar dengan ilmu pengetahuan melalui pembelajaran di luar waktu sekolah. Ia secara tidak langsung menjadikan program ini sebagai wadah perkembangan pembelajaran dan pengajaran (P&P), merangkumi peranan guru sebagai pendidik dan pelajar sebagai penuntut ilmu. Di samping para peserta mengikuti kelas akademik, beberapa modul seperti Solat Dhuha, Seminar Keilmuan, Program Motivasi/Teknik Cemerlang diadakan dalam memantapkan jati diri dan membentuk insan yang terpuji.





### KOMITMEN MAIPk MEMERANGI RASUAH

**IPOH** – Pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) menganjurkan Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Perak di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 12 Mei 2017. SPPRM telah memperkenalkan IBR untuk memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang pelakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

Pelaksanaan Majlis IBR oleh pihak MAIPk selaras dengan pelaksanaan Pelan Strategik MAIPk 2016-2021. Pada majlis ini, IBR dilafaz dan ditandatangani oleh seramai 76 orang pegawai dan kakitangan MAIPk yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Bin Muhamed dengan disaksikan oleh Pengarah SPPRM Negeri Perak, YBhg. Dato' Hajah Nooraziah Binti Abdul Manaf. Dengan pelaksanaan IBR ini, pihak MAIPk berharap semua pegawai dan kakitangan MAIPk akan terus menjauhi gejala rasuah bagi memastikan pentadbiran dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Hal ini sekaligus memenuhi misi organisasi MAIPk itu sendiri iaitu mengamalkan tadbir urus cemerlang yang berpaksikan ketulusan, integriti dan profesionalisme yang tinggi bagi terus membangunkan sosio-ekonomi ummah di Negeri Perak.



### LAWATAN KERJA MAIPk KE UNIKL MIMET DAN TANJUNG SERANTAU

**LUMUT** - MAIPk mengadakan lawatan kerja ke Universiti Kuala Lumpur MIMET (UniKL), Lumut dan Tanjung Serantau, Tanjung Kepah Lekir pada 11 April 2017 bagi merealisasikan Projek Wakaf Bot – Waqaf Perak Ar-Ridzuan. Tujuan lawatan ini diadakan adalah bagi membincangkan tentang cadangan pembinaan bot menangkap ikan untuk kegunaan nelayan-nelayan kawasan Manjung Selatan. Antara perkara yang dibincangkan adalah kategori bot, struktur bahan, enjin, aksesori bot serta peralatan menangkap ikan yang bersesuaian untuk digunakan oleh para nelayan bagi memudahkan mereka menangkap ikan. Pihak MAIPk merancang untuk membeli dua buah bot pada tahun ini dan salah satunya akan diserahkan kepada Persatuan Nelayan Kawasan Manjung Selatan. Lawatan ini diketuai oleh Dr. Amiruddin Bin Muhamed, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk.





## SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPk



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Puan Nor Zieana di Seri Iskandar pada 06 Februari 2017



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Encik Muhammad Yazid bin Mohd Jazri di Ipoh pada 07 Februari 2017



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Encik Rosman bin Ismail di Medan Klebang Putra, Ipoh pada 05 April 2017



Sumbangan bantuan kewangan dan penempatan tempat tinggal sementara di pusat penempatan Anjung Singgah, Ipoh pada 08 April 2017



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga En. Mohd Firdaus Mohamad Nor di Pengkalan, Ipoh pada 11 April 2017



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga mangsa ribut di Kg. Tengku Hussein, Manjoi, Ipoh pada 29 April 2017



Sumbangan bantuan penyelesaian hutang kepada Haje Mohd Hassan Miya Huson, President of Rohingya di Ipoh pada 23 Jun 2017





## WAKAF ILMU – PROGRAM MUMTAZ

Pendidikan merupakan salah satu tunjang utama dalam pembangunan Negara. Kepentingan pendidikan kepada pembangunan sesebuah negara dapat dilihat dengan peruntukan perbelanjaan negara yang besar pada setiap tahun untuk tujuan membangunkan sistem pendidikan yang diperlukan oleh masyarakat. Tindakan ini dianggap sebagai satu pelaburan yang besar untuk menjamin kemajuan yang berterusan dan bagi membangunkan modal insan 'minda kelas pertama' pada masa akan datang. Dengan adanya pendidikan, ia mampu mengeluarkan seseorang atau sebuah keluarga daripada kepompong kemiskinan. Pendidikan adalah antara faktor penting untuk mendapatkan peluang kerjaya yang lebih baik, di samping usaha gigih individu itu sendiri.

Pembangunan pendidikan di Malaysia pada peringkat awal lebih tertumpu kepada pembinaan sekolah di bandar berbanding di luar bandar, di mana sekolah-sekolah di bandar dibekalkan dengan kemudahan bangunan dan peralatan yang lebih baik dan lengkap, guru terlatih dan sumber yang mencukupi. Sebaliknya, peluang menikmati pendidikan bagi penduduk di luar bandar dan pedalaman amat terhad. Impak jurang pendidikan telah menyumbang kepada keadaan tidak seimbang yang ketara daripada segi sosioekonomi antara penduduk luar bandar dan bandar.

Para pelajar yang tinggal di luar bandar sebahagiannya adalah dari golongan keluarga yang berpendapatan rendah. Mereka tidak didedahkan dengan kelas tambahan kerana pendapatan ibu bapa yang rendah tidak mampu untuk menghantar anak-anak mereka mengikuti kelas tambahan terutamanya yang berbayar. Dengan berlatar belakang ibu bapa yang berpendidikan rendah juga menyebabkan ibu bapa tidak dapat untuk mengajar anak mereka membuat kerja sekolah di rumah. Kekangan ini menyebabkan mereka ketinggalan dalam bidang akademik serta menyebabkan motivasi dan daya saing yang rendah di kalangan para pelajar.

Melihat kepada senario ini, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak telah mengambil inisiatif membantu pelajar-pelajar di luar bandar yang berada di tahap sederhana dalam pembelajaran dengan mengadakan seminar teknik menjawab soalan peperiksaan bagi mempertingkatkan pemahaman pembelajaran seterusnya membantu mereka bersedia menghadapi peperiksaan. Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Kali Ke-193 pada 18 Disember 2015 telah bersetuju menuhubkan dana wakaf yang dinamakan sebagai "Waqaf Perak Ar-Ridzuan" (WPAR). Kutipan wakaf melalui WPAR akan digunakan untuk melaksanakan projek-projek wakaf untuk kemaslahatan umat Islam di seluruh Negeri Perak. Selain Wakaf Ilmu-Program MUMTAZ, terdapat juga projek lain di bawah dana wakaf ini iaitu projek Perkembangan Ilmu Al Quran, Pembinaan Waqf Business Centre (WBC), Pembinaan Pusat Hemodialisis, Wakaf Bot, skim Wakaf Tunai dan Wakaf Pembinaan Bangunan Kediaman Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS).

Program Mumtaz – Wakaf Ilmu telah disenaraikan di bawah projek dana Waqaf Perak Ar Ridzuan (WPAR) bagi merealisasikan hasrat pengurusan MAIPk dan pewakaf untuk memastikan pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah didedahkan dengan teknik pembelajaran yang boleh menjadi nilai tambah dalam menghadapi peperiksaan mahupun alam pekerjaan untuk lepasan sekolah. Dana WPAR digunakan untuk menyediakan bengkel, kursus dan seminar dengan penumpuan kepada subjek teras untuk meningkatkan pencapaian akademik di dalam peperiksaan utama pada peringkat rendah dan menengah.

Semenjak WPAR dilancarkan pada 7 April 2016, 5 program MUMTAZ melibatkan pelajar telah berjaya dilaksanakan di daerah Batang Padang, Manjung, Kerian, Ipoh dan juga Hulu Perak dengan kerjasama daripada Koperasi Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB), Pejabat Pendidikan Daerah dan Sycle Global Education Sdn Bhd. Program-program tersebut telah disertai seramai 431 orang pelajar yang menduduki peperiksaan UPSR, PT3, SPM dan juga lepasan SPM.

Demi kelangsungan penyebaran manfaat wakaf, MAIPk juga sentiasa berusaha untuk menambahbaik program-program yang dianjurkan di bawah Wakaf Ilmu-Program MUMTAZ. Pada 21-22 Ogos 2017, MAIPk mengambil pendekatan berbeza dengan menglibatkan seramai 60 guru-guru Matematik daerah Kinta Utara mengikuti Kursus Creativity in Mathematics Education. Kursus yang dikendalikan oleh Pakar Matematik Terkenal, Puan Teoh Poh Yew daripada Creative Wizard Sdn Bhd bertujuan memberi pendedahan kepada guru-guru berkaitan kaedah pengajaran matapelajaran Matematik yang lebih kreatif untuk menarik minat pelajar terhadap matapelajaran tersebut. Pemilihan guru sebagai peserta juga bermatlamat agar lebih ramai pelajar mendapat manfaat daripada dana wakaf dan ianya juga menunjukkan wakaf ini boleh dinikmati oleh orang ramai tidak terhad kepada orang Islam sahaja.



## BERITA SANA SINI



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAIPK PADA 03 APRIL 2017



KUNJUNGAN HORMAT MAIPK KE TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA DI LUMUT PADA 14 APRIL 2017



LAWATAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU PADA 17 APRIL 2017



MAIPk SUMBANG RM300 RIBU UNTUK PEMBINAAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT NURUSSALAM, MANJUNG PADA 14 MEI 2017



PENYERAHAN ZAKAT TELEKOM MALAYSIA PADA 15 MEI 2017



KUNJUNGAN HORMAT DAN PENYERAHAN BUKU IRSYAD AL-FATWA OLEH JABATAN MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN PADA 23 MEI 2017



LAWATAN AKAUNTAN MALAYSIA PADA 23 MEI 2017



PERSIDANGAN MAIPK KALI KE-199 PADA 26 MEI 2017